

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

JAWHAR

PRAGMATIK • RESPONSIF • OBJEKTIF



ISSN 1985 - 2029 BIL 2/2014



5 Pembangunan Wakaf Secara Inklusif Di Teluk Likas Kota Kinabalu Diteliti

7 Mesyuarat Agung Kelab Kebajikan Dan Sukan JAWHAR (KKSJ), Kali Ke-9 Tahun 2014

10 Kunjungan Delegasi UIAM ke JAWHAR

PERUTUSAN KETUA PENGARAH



Alhamdulillah, terlebih dahulu saya merafa'kan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia dan inayahNya kerana

Buletin JAWHAR Bil. 2/2014 ini berjaya diterbitkan. Selawat dan salam buat junjungan besar Rasulullah SAW, serta kaum keluarga dan para sahabat Baginda sekalian.

Di kesempatan ini, saya ingin mengingatkan kita semua kepada tujuan diadakan penerbitan sebegini. Saya merasakan adalah menjadi satu kemestian bagi sesebuah Jabatan yang cemerlang untuk mempunyai kekuatan dan keteguhan dari aspek kekitaan serta memiliki suatu pemikiran yang terarah. Ini penting kerana kecemerlangan sesebuah Jabatan bukan hanya disebabkan oleh cemerlangnya seseorang individu tetapi ia mestilah digerakkan oleh seluruh warga Jabatan tersebut. Oleh itu, perkongsian aktiviti Jabatan amatlah dititik beratkan supaya diketahui bersama. Penerbitan ini adalah sebagai suatu landasan penyampaian maklumat Jabatan secara berkala kepada seluruh warga kerja JAWHAR khasnya, malah kepada masyarakat umumnya.

Sebagai peneraju tampuk pimpinan JAWHAR, tiada yang lebih membanggakan apabila melihat komitmen dan kesiapsiagaan semua warga JAWHAR dalam menyempurnakan misi dan visi yang telah diamanahkan dengan penuh dedikasi.

Program-program yang digariskan dalam Pelan Strategik JAWHAR 2012-2016 adalah selari dengan agenda transformasi Negara yang diilhamkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Sehubungan dengan itu, antara transformasi terpenting adalah menerusi perubahan diri individu khususnya dalam anjakan minda yang kelak akan menentukan cara kita bekerja dan melaksanakan tugas bersama.

Akhir kalam, saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua warga JAWHAR yang telah menyumbang tenaga dan idea dalam mencatatkan sejarah kegemilangan perjalanan JAWHAR. Semoga pada tahun ini, kita akan terus melangkah maju dan bergandingan bahu bagi mencapai kecemerlangan nama JAWHAR di peringkat Antarabangsa.

Datuk Haji Anan bin C. Mohd
Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf Zakat dan Haji

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

YBhg. Datuk Haji Anan Bin C. Mohd

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mu'az Bin Hj. Zawawi

KETUA EDITOR:

Tn. Hj. Mohd Bakri Bin Ibrahim

EDITOR:

En. Abdul Hakim Bin Abdul Rauf
Pn. Norlizah Binti Mainoordin

PENGARANG:

Pn. Nor Fazilah Binti Wahab
En. Azizi Bin Saleh
En. Saifol Iskandar Bin Md. Kasim
Pn. Noor Azura Binti Zainal

JURUFOTO:

En. Zamfitri Bin A. Rahman
En. Muhamad Ridzuan Bin Sabli
Pn. Ili Raidah Binti Mahat

Kandungan

BERITA

Mesyuarat Jalinan Kerjasama Sinergi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)	4
Pembangunan Wakaf Secara Inklusif di Teluk Likas Kota Kinabalu Diteliti	5
Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2014M "Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah"	6
Mesyuarat Agung Kelab Kebajikan Dan Sukan JAWHAR (KKSJ), Kali Ke-9 Tahun 2014	7
JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil. 1/2014: "Pusaka, Wasiat dan Hibah: Antara Hak dan Tanggungjawab"	8
Bengkel Pembangunan Sistem e-Khairat JAWHAR	9
Kunjungan Delegasi UIAM ke JAWHAR	10

ARTIKEL

Riba dan Rasional	11
Zakat Dapat Mensucikan Harta	13

GALERI JAWHAR**16****INFO WARGA**

Perkahwinan	18
Permata JAWHAR	18
Yang Patah Tumbuh Yang Hilang Berganti	19



Datuk KP JAWHAR menyampaikan cenderahati

Mesyuarat Jalinan Kerjasama Sinergi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) Dengan JAWHAR

7 Januari 2014, PUTRAJAYA.

Mesyuarat Jalinan Kerjasama Sinergi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dengan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) dilihat sebagai satu usaha positif dalam memperkuatkan dan memperkembangkan wakaf di Malaysia dalam pembiayaan projek pembangunan menggunakan instrumen-instrumen dalam pasaran modal Islam di masa hadapan.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAWHAR dan dihadiri sama Timbalan Ketua Pengarah serta pegawai-pegawai JAWHAR manakala pegawai daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) diketuai oleh Dr. Md Nurdin Ngadimon, Ketua & Timbalan Pengurus



Sesi bergambar antara pegawai JAWHAR dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)

Besar Jabatan Syariah, En. Syed Azhan Syed Mohd Bakhor, Penolong Pengurus Besar Jabatan Pembangunan dan beberapa pegawai SC yang lain.

Mesyuarat bersetuju jalinan kerjasama ini akan berterusan demi kemaslahatan ummah dan satu bengkel akan diadakan bagi meningkatkan kefahaman bersama terutama dalam pembiayaan wakaf menerusi sukuk yang turut melibatkan pegawai-pegawai daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan agensi/jabatan yang berkaitan wakaf.

Pembangunan Wakaf Secara Inklusif Di Teluk Likas Kota Kinabalu Diteliti

16 Januari 2014. Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menerima Kunjungan Hormat daripada Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) YBhg. Datuk Haji Amri bin Suratman dan Pengarah JAKIM Cawangan Sabah Us. Halim bin Ahmad jam 2.00 petang ini. Kunjungan muhibbah ini telah disambut mesra oleh Ketua Pengarah JAWHAR YBhg. Datuk Hj. Anan bin C. Mohd bersama Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR Tuan Haji Mu'az bin Hj. Zawawi dan pegawai-pegawai daripada Bahagian Wakaf JAWHAR.

Disamping pertemuan ini dapat memperkuatkan hubungan siratulrahim antara agensi/jabatan agama Islam Sabah dan Semenanjung, ia juga membincang dan menyentuh beberapa isu berkaitan dengan perkembangan wakaf di Negeri Sabah. Menurut Datuk Amri, terdapat tanah wakaf yang strategik di Sabah iaitu di Teluk Likas, Kota Kinabalu yang amat

sesuai dibangunkan untuk perkembangan wakaf dan syiar Islam. Pembangunan ini sekiranya dilaksanakan akan dapat memperkuatkan kefahaman umat Islam di bawah bayu itu dan meningkatkan sosio-ekonomi komuniti setempat dan ummah. Pandangan tersebut telah disambut baik oleh Datuk Ketua Pengarah JAWHAR dengan menzahirkan komitmennya untuk membawa cadangan tersebut bagi perhatian lanjut Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dalam RMKe-11 nanti.



Datuk KP JAWHAR menyampaikan cenderahati kepada Pengarah JHEAINS



Sesi Perbincangan



Kontingen JAWHAR

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2014M “Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah”

Selasa 14 Januari 2014. Tema sambutan ialah “Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah” Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia telah bersama-sama menyertai perarakan bertempat di Masjid Putra, Putrajaya. Perarakan bermula dari hadapan Bangunan KPDKKK mulai jam 7.45 pagi. Sebanyak 157 kontingen telah menyertai

perarakan pada tahun ini dengan jumlah 13,598 peserta iaitu terdiri daripada 73 kontinen kerajaan, 28 kontinen badan berkanun, 10 badan beruniform, 20 kontinen swasta, 4 kontinen pertubuhan bukan kerajaan (NGO), 6 kontinen Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan 10 kontinen sekolah yang telah berarak sambil berselawat sejauh 1.7 kilometer.

Mesyuarat Agung Kelab Kebajikan Dan Sukan JAWHAR (KKSJ), Kali Ke-9 Tahun 2014



Mesyuarat dipengerusikan oleh pengurus KKSJ sesi 2013/2014

Kelab Kebajikan dan Sukan JAWHAR (KKSJ) telah mengadakan Mesyuarat Agung Kelab Kali Ke-9 pada 18 Februari 2014 (Selasa) bertempat di Bilik Gerakan, JAWHAR. Seramai 45 orang ahli kelab telah menghadiri mesyuarat tersebut. Tujuan utama mesyuarat diadakan adalah bagi membincangkan segala aktiviti dan program KKSJ sepanjang tahun 2013 dan pembentangan penyata kewangan sesi 2013/2014. Selain itu agenda utama mesyuarat adalah pemilihan peneraju KKSJ bagi sesi 2014/2015. Pemilihan tersebut telah berjalan dengan lancar dan berdasarkan prinsip demokrasi, Ustaz Murid Fadzli bin Musa telah dipilih oleh majoriti ahli sebagai Pengurus KKSJ yang baru manakala timbalannya ialah Ustazah Zaleha Embong. Semoga dengan pemilihan



Antara Ahli KKSJ yang hadir

pimpinan terbaru ini KKSJ dapat bergerak aktif dan terus maju jaya bersama-sama JAWHAR.

Sebagai penutup tirai kepimpinan KKSJ sesi 2013/14, satu majlis Makan Tengah Hari telah diadakan pada 18 Februari 2014 (Selasa) bertempat di Restoran Seafood, Taman Botani, Putrajaya. Majlis ini tambah berseri kerana menerima kehadiran Ketua Pengarah JAWHAR iaitu YBhg. Datuk Haji Anan C. Mohd ditemani isteri dan Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR, YBrs. En Mu'az Bin Haji Zawawi. Dalam ucapannya, YBhg. Datuk Ketua Pengarah telah mengucapkan terima kasih kepada barisan kepimpinan KKSJ yang berjaya menganjurkan program makan tengah hari buat julung kalinya. Majlis juga telah dihadiri oleh 61 orang ahli KKSJ dan 7 orang pelajar praktikal JAWHAR. Pada masa yang sama, majlis turut meraikan persaraan Pembantu Peribadi kepada Ketua Pengarah iaitu Puan Halijah binti Ramli yang bersara pilihan berkuatkuasa mulai 3 Mac 2014. KKSJ bersama PUSPANITA JAWHAR mengambil kesempatan untuk menyampaikan cenderahati sebagai kenang-kenangan kepada beliau dan YBhg. Datuk Ketua Pengarah turut menyampaikan penghargaan mewakili seluruh warga JAWHAR di atas segala sumbangan dan khidmat bakti Puan Halijah selama bertugas di JAWHAR. Semoga majlis seumpama ini dapat dianjurkan lagi pada masa akan datang bagi mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan warga JAWHAR.



Barisan ahli panel

JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil. 1/2014: “Pusaka, Wasiat Dan Hibah: Antara Hak Dan Tanggungjawab”

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menganjurkan program JAWHAR Intellectual Discourse (JID) Bil. 1/2014 pada 25 Februari 2014 (Selasa) bertempat di Auditorium Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya yang bertemakan “*Pusaka, Wasiat dan Hibah: Antara Hak dan Tanggungjawab*”.

Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Hj. Mu’az bin Hj. Zawawi, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR dan telah disertai oleh lebih 400 orang peserta yang terdiri daripada penjawat awam sekitar Putrajaya dan juga pegawai-pegawai Majlis Agama Islam Negeri seluruh Malaysia.

JID pada kali ini diadakan dalam bentuk forum yang mengetengahkan barisan ahli panel yang terdiri daripada Prof. Madya Mohd Ridzuan bin Awang, mantan Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Nik Salida Suhaila binti Nik Saleh, Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia dan Tuan Hj. Wan Abdul Halim bin W Harun, mantan Ketua Penolong Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Manakala moderator yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan forum ini adalah Ust. Indera Shahril bin Mohd Shahid dari Majlis Agama Islam Selangor.

Penganjuran JID pada kali ini yang membincangkan topik pusaka, wasiat dan hibah adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam tentang kepentingan perancangan dan pengurusan harta menurut perspektif Islam yang melibatkan pusaka (faraid), wasiat dan juga hibah. Ia juga bertujuan untuk memberi kefahaman yang jelas antara hak dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh kita dalam isu-isu pengurusan harta pusaka selaras dengan tuntutan agama Islam.



Peserta yang hadir



Sesi soal jawab



TKP menyampaikan cenderahati kepada ahli panel jemputan



Bengkel Pembangunan Sistem e-Khairat JAWHAR

Putrajaya, 20 Mac 2014. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah berjaya menganjurkan Bengkel Pembangunan Sistem e-Khairat selama tiga hari bermula pada 17 hingga 19 Mac 2014. Bengkel ini diurussetiakan oleh Bahagian Mal dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat dan dihadiri oleh wakil-wakil daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seluruh Malaysia.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan, persetujuan dan maklum balas daripada pihak MAIN berkenaan cadangan JAWHAR untuk membangunkan Sistem e-Khairat sebagai satu mekanisme pengumpulan dan penyelarasaran data secara berpusat berkaitan kebenaran membuat kutipan khairat (derma/ sedekah) di seluruh Malaysia.

Sistem e-Khairat ini akan membolehkan masyarakat awam menyemak kesahihan kutipan khairat yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dengan mudah, iaitu melalui mobile application yang boleh diakses dengan menggunakan telefon pintar masing-masing, ataupun melalui aplikasi laman web yang disediakan.

Dengan adanya Sistem e-Khairat ini, diharapkan agar kes-kes penipuan dalam aktiviti kutipan khairat di Malaysia akan dapat dikurangkan dan seterusnya dibanteras bagi memastikan wang khairat yang disumbangkan oleh masyarakat awam demi kepentingan agama dan umat Islam tidak disalahgunakan serta ia benar-benar sampai kepada pihak yang memerlukan.

Kunjungan Delegasi UIAM Ke JAWHAR

Tanggal 2 April 2014 telah berlangsungnya sesi pertemuan JAWHAR bersama dengan delegasi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia bertempat di Bilik Gerakan JAWHAR. UIAM telah dihadiri oleh Prof. Dr. Syed Khalid Rashid (Director of International Centre For Waqf Research), Prof. Dr. Sharifah Zubaidah (Deputy Director of International Centre For Waqf Research) dan Tn. Hj. Shamsul Azhar Mohd Yusof (Director of IIUM Endowment Fund). Tujuan pertemuan ini diadakan adalah sebagai satu inisiatif UIAM dalam memperkasakan institusi pewakafan di Negara ini melangkau ke luar negara khususnya Negara Turki. Bagi melengkapkan lagi tujuan pertemuan ini, satu taklimat ringkas berkaitan projek penanda aras pembangunan wakaf dan juga Persidangan Antarabangsa Wakaf yang akan diadakan bertempat di Istanbul Turki yang dijangka akan berlangsung pada 18hb – 20hb Jun 2014 di antara Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan Fatih Sultan Mehmet Waqf University (FSMVU) dan T.R Prime Ministry, Directorate General of Foundations (DGF) telah disampaikan oleh Prof. Dr. Sharifah Zubaidah (Deputy Director of International Centre For Waqf Research).

Dalam ucapannya, Ketua Pengarah JAWHAR telah melahirkan rasa syabas dan berterima kasih atas kesudian pihak UIAM sebagai pengajur kepada program yang berprestij ini dengan mengambil kira dan meraikan penglibatan JAWHAR sebagai sebuah agensi di peringkat Persekutuan untuk menguar-uarkan aktiviti-aktiviti pewakafan dan pengalaman JAWHAR dalam membangunkan projek-projek harta tanah wakaf meliputi bidang ekonomi, kebajikan, kesihatan, pendidikan dalam rangka menaiktaraf kehidupan masyarakat.

Selain itu, wakil kedua belah pihak turut bertukar-tukar pandangan mengenai pembangunan institusi wakaf di Malaysia dan JAWHAR mengambil kesempatan untuk memaklumkan pihak UIAM berhubung projek-projek pembangunan harta tanah wakaf yang dilaksanakan JAWHAR termasuk pembinaan empat buah hotel yang dibangunkan di atas tanah wakaf. UIAM melahirkan rasa kagumnya atas inisiatif JAWHAR yang disifatkan sebagai perkembangan positif dalam usaha memantapkan institusi wakaf di negara ini.

Pertemuan ini berakhir dengan sesi bergambar dan sedikit kata-kata hikmat yang dinukilkhan oleh Prof. Dr. Syed Khalid Rashid (Director of International Centre For Waqf Research) sebagai tanda ingatan yang ikhlas terhadap peranan yang dimainkan oleh JAWHAR.

Sesi perbincangan



Prof. Dr. Syed Khalid Rashid (Director of International Centre For Waqf Research) menandatangani buku lawatan



Sesi bergambar



Oleh:
Noor Fathihah Bt Ramli
 Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa

Muamalat merupakan salah satu daripada bidang pengkhususan fiqh yang membincangkan aspek-aspek urusniaga seperti jual beli, sewa, cagar dan sebagainya. Pada masa kini, fiqh muamalat turut merangkumi bidang perbankan, kewangan, pasaran modal, dan sebagainya.

Hikmah tentang perkara-perkara berkaitan muamalat tidak dinyatakan secara khusus ialah, agar ia lebih anjal (murunah) dan tidak menyebabkan kesulitan kepada orang ramai. Ini selari dengan objektif Syariah (Maqasid Syariah) yang bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan dan menolak kemudarat. Di samping itu, ia juga bagi membolehkan ijihad dilaksanakan agar sesuatu hukum yang dibuat bersesuaian mengikut perubahan zaman, tempat, dan adat.

Muamalat adalah berkait rapat dengan konsep keadilan (Al-'Adlu) dan belas kasihan (Al-Ihsan). Al-'Adlu bermaksud meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya. Dari sudut kewangan dan ekonomi, agihan kekayaan bukanlah semestinya sama rata tetapi mengikut kesesuaian dengan mekanisma yang dibenarkan sehingga menyumbang positif kepada kebaikan ekonomi seluruh rakyat dengan memenuhi keperluan asasi manusia, membasmikan punca-punca kesulitan, dan meningkatkan kualiti hidup. Al-Ihsan pula bermaksud menjuruskan aktiviti ekonomi Islam bukan dengan tujuan keuntungan material semata-mata tetapi mengambil kira kemaslahatan umum.

Terdapat beberapa unsur dan elemen yang diharamkan oleh Islam secara mutlak di dalam urus niaga dan transaksi muamalat Islam. Unsur-unsur ini boleh menyebabkan sesuatu urus niaga itu menjadi tidak bertepatan dengan Syariah, haram, dan terbatal. Di antara unsur-unsur dan elemen-elemen tersebut adalah seperti berikut:

- Riba
- Gharar (Ketidakpastian)
- Maisir (Judi)
- Penipuan atau khianat dan
- Barang/perkhidmatan yang haram

Kali ini saya akan menyebut tentang salah satu di antara unsur-unsur yang diharamkan oleh Islam di dalam sistem muamalat Islam, di mana unsur ini jarang digeruni akan pengharamannya di kalangan masyarakat hari ini. Diharapkan dengan penerangan ringkas ini dapat menyedarkan masyarakat umum akan pengharamannya. Unsur yang dimaksudkan adalah riba.

Riba dalam Islam telah jelas akan pengharamannya tanpa ada percanggahan pendapat oleh para ulama'. Terdapat beberapa ayat Al-Quran dan hadis yang jelas mengharamkan riba. Semoga dengan dalil-dalil yang diberikan dalam tugasan lalu dapat memberikan penjelasan kepada semua akan pengharaman riba. Ayat-ayat Al-Quran jelas menunjukkan bahawa:

"Sesiapa yang enggan meninggalkan saki baki riba yang telah atau akan diambilnya maka Allah S.W.T. memberi amaran untuk memerangi mereka. Maka barangsiapa yang mengambil riba dan tidak juga meninggalkannya, ianya seperti memerangi Allah S.W.T".

Dalil-dalil disebutkan juga jelas menerangkan para pengamal riba ditarik akan keberkatan harta benda, sama ada hartanya akan mudah hilang dirompak, dicuri, dikhianat atau habis tanpa dirasai. Selain itu, dia juga akan merasa miskin dan fakir walaupun mempunyai banyak wang.

RASIONAL PENGHARAMAN RIBA

Dari Perspektif Kemanusiaan

- i. Pengharaman riba atau apa-apa saja nama lain bagi riba adalah untuk mengelakkan penindasan pihak yang mempunyai wang ke atas orang yang memerlukan. Perkara ini jelas bercanggah dengan kepentingan kemanusiaan kerana peminjam tiada pilihan melainkan terpaksa membayar lebih dari apa yang diperolehi dalam pertukaran.
- ii. Pihak yang memakan riba akan bertambah kaya dan senang, hasil gandaan dan percambahan

Artikel

wang yang dipinjamkan. Golongan kaya yang mampu memberi pinjaman akan bertambah kaya dari hari ke hari, manakala golongan yang meminjam wang akan terus miskin akibat percambahan riba dari pinjamannya.

- iii. Amalan riba akan menanam sifat malas bekerja. Riba akan mendorong pemakannya hidup senang-lenang tanpa bekerja dan berusaha sedangkan Islam menggalakkan umatnya untuk berusaha dan bekerja.
- iv. Dari sudut kemasyarakatan, riba boleh merenggangkan dan merosakkan perhubungan di antara orang kaya pemakan riba dengan orang miskin seterusnya akan menimbulkan kekacauan di dalam masyarakat dan Negara. Maka timbulah dari situ rompakan, pembunuhan, tekanan terhadap golongan kurang mampu dan lenyapnya keadilan dalam urus niaga. Sebagai contoh, Negara kita digemparkan dengan pelbagai jenayah yang dilakukan oleh Ah Long (ceti haram atau pemberi pinjaman wang tidak berlesen) terhadap penghutang. Akibat penghutang tidak membayar hutang mereka sanggup menyerang, mengurung, merantai, memotong tangan, membunuh, dan melakukan pelbagai kezaliman lain terhadap para penghutang dan keluarga mereka.
- v. Hilang nilai-nilai kebajikan, tolong menolong dan kerjasama dalam masyarakat. Hal ini berlaku akibat kesan daripada ketamakan manusia mengejar wang yang disuburkan melalui sistem riba. Mereka sanggup menindas insan lain untuk kekayaan sendiri. Akibat dari itu manusia saling bermusuhan sehingga menghilangkan nilai kebajikan dan tolong menolong antara masyarakat.

Dari Perspektif Ekonomi

- i. Keseluruhan sistem ekonomi akan menjadi rapuh kerana aktiviti ekonomi sebenar tidak jelas sama sekali.
- ii. Sistem riba menghalang orang ramai dari terbabit secara langsung dengan aktiviti ekonomi sebenar.
- iii. Apabila keadilan, ketelusan, dan keseimbangan dalam sistem ekonomi dinafikan, lihatlah bagaimana krisis ekonomi dunia yang dihadapi oleh masyarakat antarabangsa tatkala ini.

- iv. Menyebabkan krisis sub prima yang teruk akibat lambakan kredit tanpa kawalan.
- v. Mendedahkan sistem ekonomi kepada risiko kejatuhan yang sangat berbahaya.
- vi. Sistem riba akan menghancurkan dan memberi impak yang negatif di mana ia akan meruntuhkan pandangan masyarakat terhadap keyakinan kepada sistem ekonomi yang sebenar.
- vii. Menghambat negara ke arah kemelesetan ekonomi untuk kali yang seterusnya dengan kewujudan kelompongan nilai ekonomi sebenar berbanding transaksi kewangan.

Dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai perantara kewangan. Bank konvensional yang beroperasi pada zaman moden amat bergantung kepada kontrak atau perjanjian berbentuk pinjaman atau hutang bagi menghubungkan kedua-dua entiti ini. Di satu pihak bank memeterai perjanjian pinjaman dengan pendeposit yang bersetuju memberikan wang mereka untuk dilaburkan bank dengan mendapat pulangan tetap berbentuk faedah. Di satu pihak yang lain bank mengikat kontrak pinjaman dengan pelanggan yang ingin mendapatkan pembiayaan bagi memenuhi keperluan hidup yang pelbagai. Kontrak pinjaman untuk tujuan pembiayaan ini juga berasaskan faedah yang dikenakan pihak bank mengikut kadar tertentu. Perbezaan kadar faedah yang dikenakan ke atas peminjam-peminjam bank dengan kadar faedah yang ditawarkan kepada para pendeposit merupakan sumber perolehan terpenting dalam mana-mana operasi perbankan. Daripada perspektif Islam, transaksi pinjaman berasaskan faedah sebagaimana yang diamalkan oleh bank-bank konvensional ini amat jelas bertentangan dengan prinsip Syarak kerana ia merupakan salah satu daripada bentuk riba yang diharamkan.

Sedarilah betapa besarnya dosa riba, dan muhasabahlah diri kita dan pengurusan kewangan kita sebaiknya. Untung di dunia tidak berguna jika seksa di alam barzakh dan di akhirat yang amat panjang tempohnya menanti. Akhir kalam, diharapkan dengan adanya panduan ringkas mengenai riba dan gharar seperti ini dapat membuka mata umat Islam tentang kecelakaan yang akan menimpah sekiranya kita berterusan mengambil dan terlibat dengan sesuatu yang jelas pengharamannya di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Semoga para pembaca mendapat manfaat daripada penghasilan terbitan ini dan dengan ilmu yang diperolehi dapat disebarluaskan. Sebagaimana pesanan Rasulullah S.A.W, sampaikanlah walaupun hanya sepotong ayat.

ZAKAT DAPAT MENSUCKAN HARTA

Oleh:

Hj. Abdullah Bin Hj. Abd Rahman

Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa

Terdapat sesetengah dalam kalangan kita beranggapan bahawa kewajipan membayar zakat adalah sedekah atau satu pembayaran secara ihsan daripada orang berada kepada orang miskin. Fahaman sedemikian sebenarnya sedikit sebanyak boleh menjadi faktor mengapa bilangan atau jumlah para pemberi zakat akan bertambah jauh melebihi sasarannya. Bagi Wilayah Persekutuan contohnya bilangan pembayar zakat khususnya zakat harta dalam lingkungan antara 30 ke 40 ribu orang setahun. Membayar zakat adalah wajib, merupakan salah satu dari rukun Islam yang lima. Ianya merupakan titah perintah Allah SWT yang diwajibkan ke atas umat Islam sejak tahun dua hijrah lagi.

Firman Allah SWT dalam surah al baqarah ayat 110 bermaksud;

"Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat"

Zakat dari segi syarak bermaksud mengeluarkan sebahagian harta tertentu diberikan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.(1)

FirmanNya lagi dalam surah An Nur ayat 56 bermaksud;

"Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berikanlah zakat dan taatlah kamu kepada Rasullullah supaya kamu beroleh rahmat".

WAJIB DIBAYAR SETELAH CUKUP SYARATNYA

Zakat wajib dibayar setelah mencukupi syarat-syarat tertentu dengan kadar-kadarnya. Islam menekankan kepada golongan yang berada atau orang kaya yang banyak harta bagi mengeluarkan zakat manakala yang miskin atau fakir yang tiada mempunyai harta benda serta kekayaan pula, mereka bebas dari mengeluarkan zakat. Baitulmal atau pemerintah adalah bertanggungjawab membantu mereka. Dalam Islam bukanlah sangat mengharapkan wujudnya orang miskin dan susah yang hidup mereka semata-mata bergantung kepada bantuan zakat yang ada, namun bantuan yang diberikan itu semata-mata untuk membantu bagi menghindarkan mereka dari bebanan hidup disamping menghindarkan mereka dari kelompok kemiskinan dan kedhaifan.

Bantuan yang diberi diharap membolehkan mereka hidup dengan lebih baik sehingga tiba masanya mereka pula akan menjadi pembayar zakat bukan lagi sebagai asnaf selama-lamanya. Kembali ke zaman sayyidina Umar Abdul Aziz RA. Masyarakat hidup dalam keadaan yang amat selesa, iaitu zakat dapat dipungut, tetapi amil-amilnya tidak dapat menemui orang yang miskin pada ketika itu bagi tujuan untuk menerima zakat.

Dikisahkan bahawa Khalifah Umar Abdul Aziz telah memerintahkan Yahya Bin Said untuk menyelenggarakan pungutan zakat dari Afrika dan apabila sesudah selesai mengumpul harta zakat itu , maka dicarilah penerima zakat pada ketika itu namun seorang pun tiada hak untuk menerimanya kerana Khalifah Umar Abdul Aziz telah berjaya membuatkan orang hidup senang lenang. Khalifah pada ketika itu telah membuatkan orang mendapat habuan serta kedudukan yang seimbang dalam pembahagian harta kekayaan. Harta kekayaan diberikan sama rata dan pembahagian ekonomi yang seimbang pada semua pihak yang berhak memperolihiinya.

Firman Allah dalam surah al Haj ayat 48 bermaksud;

"Sesungguhnya Allah SWT membela orang yang beriman, sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap yang khianat lagi tidak bersyukur"

Oleh itu berlaku adillah kita ke atas harta yang Allah curahkan kepada kita hingga tidak terhitung banyaknya.Peringatan Allah SWT amat jelas seandainya pemberianNya dapat dimanfaatkan kejalan yang direháiNya akan ditambah lagi nikmatNya itu.

Firman Allah dalam surah Ibrahim ayat 7 bermaksud;

"Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku tambahi nikmatKu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras"

ZAKAT MEMBAWA BERKAT

Pada amnya kekayaan serta pemilikan harta yang diusahakan bukannya untuk dipunyai oleh seseorang sahaja tetapi perlu dikongsi bersama lebih-lebih lagi kepada golongan yang tidak bernasib baik dalam kalangan kita. Oleh itu apabila kita dapat memanfaatkan pemberian Allah ke jalan yang betul maka balasan yang diterima nanti mestinya setimpal dengan apa yang kita laksanakan, apalagi apabila kita menunjukkan kesyukuran yang tidak berbelah bagi terhadap Allah SWT sepetimana kesyukuran kita dengan membayar zakat. Melalui pembayaran zakat juga dapat mengimbangkan hartanya bukan semakin susut akibat pengeluaran zakat. Ini secara langsung dapat mengikis sikap tamak, ingin membolot dan mengumpul harta untuk kepentingan diri sendiri. Apabila dalam diri kita telah tertanam sikap ingin memberi serta berkongsi bersama khususnya kepada mereka yang memerlukan akan meningkatkan nilai dan budi pekerti seseorang. Apa yang lebih penting dalam jiwa kita ialah hendaklah kita sentiasa rasa bersyukur dengan apa yang ada tidak kira sedikit ataupun banyak. Sekiranya kita berjaya menanam sikap sentiasa bersyukur di atas pemberian Allah SWT kepada kita selama ini, kita tidak akan terasa bahawa pembayaran zakat sebagai satu bebanan.

Sekiranya seseorang itu Berjaya dapat mengeluarkan harta yang dicintainya dengan berzakat, maka lahirlah dalam jiwanya sikap berkasih sayang terhadap orang lain yang seagama dengannya. Malahan melalui pembayaran zakat ianya tidak berakhir begitu sahaja malahan harta yang masih tinggal akan terus berkembang dan pemiliknya insyaAllah akan diberkati dan dirahmati Allah selamanya.

TUNAI ZAKAT TANDA SYUKUR KITA KEHADRAT ALLAH SWT.

Merujuk kepada apa yang diperolehi oleh Pusat Pungutan Zakat Selangor PPZ beberapa tahun yang lalu melalui pengalaman terdahulu membuktikan bahawa PPZ Selangor memperolehi kutipan sebanyak berbelas-belas juta ringgit setahun. Contoh melihat kepada perolehan tahun 1998 sahaja sebanyak RM 17 juta ringgit diperolehi bertambah lebih banyak dari tahun sebelumnya yang hanya memperolehi sebanyak 13.3 juta ringgit sahaja. Keadaan ini membuktikkan bahawa dalam jangkamasa yang sama hasil kutipan meningkat sebanyak RM 3.7 juta. Ini merupakan satu pertambahan yang memberangsangkan walaupun kita lihat jumlah ini adalah hanya hasil pungutan dalam sebuah negeri sahaja dalam Negara ini. Bayangkanlah berapakah jumlahnya kalau kita dapat mengumpulkan hasil zakat daripada seluruh Negara yang meliputi 14 buah negeri semuanya. Sudah tentu daripada hasil pungutan zakat sahaja kita dapat mengumpul dana yang begitu besar disamping besar pula manfaatnya kepada umat Islam di Negara kita.

Harapan kita agar kesedaran dalam kalangan umat Islam akan tumbuh dan mudah-mudahan lebih ramai dalam kalangan kita akan tampil dengan keinsafan serta kesedaran betapa perlunya berzakat. Hasil keinsafan dan kesedaran itu timbul rasa kesyukuran mereka ke hadrat Ilahi disamping bersemangat untuk menunaikan zakat. Kerana jelas kepada kita bahawa zakat bukan hanya sebagai menunaikan kewajipan kehadrat Allah SWT malahan lebih dari itu iaitu sebagai sumber kekuatan ekonomi umat Islam seluruhnya. Kenyataan ini akan berlaku kiranya semua pihak dapat mensistemkan pengurusan zakat oleh pihak yang berkuasa serta menyalurkannya dengan cara yang baik dan betul..

Amat wajarlah kita mengambil iktibar dan pengajaran dari kegawatan ekonomi satu ketika dulu untuk terus bersyukur dengan adanya kewajipan berzakat. Semoga apabila ekonomi merudum satu ketika itu memberi kesedaran serta kesyukuran kerana adanya sistem berzakat yang diwajibkan oleh Allah SWT bagi mereka yang mampu menunaikannya. Apabila ekonomi kita pulih dan stabil maka akan tertanam rasa syukur, sedar dan insaf tentang kewajipan itu terhadap Allah SWT. Bertitik tolak dari itulah kesedaran wujud dalam kalangan umat Islam betapa perlunya kewajipan berzakat terhadap Allah SWT. Dari situ kesedaran dapat dipentingkatkan sehingga ke hari ini sehinggalah pelbagai projek dapat dilaksanakan terutama yang menguntungkan umat Islam hasil dari dana zakat yang disumbangkan.

Setakat ini apa yang mampu kita ucapkan ialah memohon doa restu dari Allah SWT agar ekonomi ummah dapat dipertingkatkan dan tidak akan berlaku lagi kegawatan ekonomi sepertimana pernah terjadi satu ketika dulu. Kita juga mengharapkan agar ekonomi umat Islam akan terus stabil dan lebih ramai lagi tokoh-tokoh korporat serta usahawan Islam akan terus menyumbangkan dana melalui kewajipan berzakat kepada umat seluruhnya sekaligus dapat memenuhi tuntutan umat Islam. Dengan terkumpulnya dana dari wang zakat yang sebahagian besarnya adalah hasil sumbangan tokoh-tokoh korporat muslim maka sedikit sebanyak dapat memperkuatkkan tabungan negara serta dapat merangsangkan ke arah pertumbuhan ekonomi dalam masa terdekat ini.

Galeri





Majlis makan tengahari KKSJ



Hari Bersama KP Bulan Februari



Hari Bersama KP Bulan Mac



Hari Bersama KP Bulan April



Perkahwinan



Nama pegawai:

Mohd Fazarul bin Mohd Safain

Jawatan:

Pembantu Tadbir

Nama Isteri:

Aisyah binti Abd. Hadi

Tarikh Perkahwinan:

30 Januari 2014

Tempat:

Kuala Terengganu

Permata JAWHAR



>Nama Ibu/Bapa

Ili Raidah binti Mahat

Jawatan

Juruteknik Komputer

Nama Anak

Irene Fasihah binti
Mohamad Razali

Tarikh Lahir

03 Februari 2014

Berat

3.3 Kg

>Nama Ibu/Bapa

Nor Fazilah binti
Wahab

Jawatan

Pembantu Tadbir

Nama Anak

Adam Wafiq bin
Mohd Nasuha

Tarikh Lahir

25 Februari 2014

Berat

1.9 Kg

>Nama Ibu/Bapa

Mohamad Firdaus
bin Kasim

Jawatan

Pemandu

Nama Anak

Nur Iffah Fatnin binti
Mohamad Firdaus

Tarikh Lahir

11 Februari 2014

Berat

2.92 kg

>Nama Ibu/Bapa

Nurul Iman Binti
Ya'cob

Jawatan

Pembantu Tadbir

Nama Anak

Nurul Aisyah binti
Sulaiman

Tarikh Lahir

19 April 2014

Berat

2.2 Kg

>Nama Ibu/Bapa

En. Ahmad Azhan
Bin Mohd Noh

Jawatan

Pengarah Bahagian
Baitulmal

Nama Anak

Aleeya Insyirah binti
Ahmad Azhan

Tarikh Lahir

22 April 2014

Berat

3.61 Kg

Yang Patah TUMBUH Yang Hilang BERGANTI

Senarai Pegawai bertukar **Keluar**



Nama pegawai
Mohd Azri Bin Mohideen Abdul Kadir

Tarikh Bertukar
14/03/2014

Suruhanjaya Pilihan Raya Melaka



Nama pegawai
En. Ridzuan bin Awang

Tarikh Bertukar
01/05/2014

Bahagian Dakwah, JAKIM

Senarai Pegawai Yang **Baru**



Nama pegawai
Pn. Salmah binti Shahidan

Tarikh masuk
01/02/2014

Bahagian Pendaftaran Negara
dan Pertubuhan Kementerian
Dalam Negeri



Nama pegawai
En. Shaiful Nizam bin Razali

Tarikh masuk
14/04/2014

Majlis Keselamatan Negara, Terengganu



Nama pegawai
En. Abdullah bin Mukhti

Tarikh masuk
01/02/2014

Hospital Miri, Sarawak



Nama pegawai
En. Othman Ariff bin Omar

Tarikh masuk
02/05/2014

JAKIM, Putrajaya

tip

10 Perkara yang Sering Dibazirkan

HARTA

Dibazirkan dengan tidak membelanjakan ke jalan Allah.

CINTA

Dibazirkan dengan mengisi cinta selain cinta kepada Allah.

KEPINTARAN

Dibazirkan dengan tidak berfikir tentang keajaiban makhluk ciptaan-Nya.

MASA

Dibazirkan dengan aktiviti yang tidak berfaedah.



KESIHATAN

Dibazirkan dengan tidak mensyukuri nikmat sihat sebelum sakit.

HATI

Dibazirkan dengan tidak mengisi hati dengan cinta kepada Allah dan Rasulullah s.a.w.

AMALAN

Dibazirkan dengan tidak melakukannya dengan ikhlas.

ZIKIR

Dibazirkan apabila zikir tidak berkesan pada hati.

TUBUH BADAN

Dibazirkan dengan menggerakkan anggota badan **bukan** untuk ibadah.

ILMU

Dibazirkan dengan tidak mengamalkannya.